

D.R. 1/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Ahli Kimia 1975 [*Akta 158*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif “Majlis” takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi;’.

Pindaan seksyen 7**3. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mengadakan—

- (i) latihan, pendidikan dan peperiksaan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang bercadang untuk menjadi anggota; dan
- (ii) latihan dan perkembangan profesional berterusan bagi anggota yang mengamalkan atau bercadang untuk mengamalkan profesion kimia di Malaysia;”;

(b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) memajukan kepentingan profesion kimia dan juga meningkatkan kesedaran awam dan penghargaan terhadap bidang kimia;”;

(c) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan koma bernoktah; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) memberi maklumat dan nasihat kepada anggota dan orang awam tentang perkara yang berhubungan dengan kimia;

(g) bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain, badan profesional kebangsaan dan antarabangsa, organisasi saintifik kebangsaan dan antarabangsa dan institusi pendidikan tinggi tentang perkara yang berhubungan dengan kimia;

(h) memberi input profesional, nasihat dan perundingan tentang isu nasional dan global yang melibatkan orang awam melalui kerjasama rapat dengan ahli akademik, badan profesional yang lain dan industri;

- (i) meluluskan atau menolak pemberian akreditasi bagi program kimia dan program berkaitan dengan kimia di institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia mengikut Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679];
- (j) menasihati Menteri tentang perkara yang berhubungan dengan kimia dan profesion kimia; dan
- (k) mempromosikan kemajuan dalam bidang kimia dan sains yang berkaitan dengan kimia dan aplikasinya.”.

Pindaan seksyen 9

4. Subseksyen 9(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga belas” dengan perkataan “lima belas”.

Pindaan seksyen 14

5. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Apabila jawatan Pendaftar kosong atas sebab kekosongan jawatan Ketua Pengarah Kimia, Menteri hendaklah melantik seseorang untuk menjalankan tugas sebagai Pendaftar sehingga Ketua Pengarah Kimia yang baru dilantik.”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “, dengan kelulusan Menteri,”;
- (c) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” dengan perkataan “Majlis”; dan
- (d) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 15

6. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “sebagai *Fellows*, *Associates* dan *Licentiatees*” dengan

perkataan “mengikuti tiga gred, iaitu *Fellow*, *Member* dan *Licentiate*.”; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta*, sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun, suatu salinan daftar itu yang mengandungi perubahan kepada senarai keanggotaan daftar bagi anggota yang telah dikeluarkan daripada daftar, dimasukkan dalam daftar atau dinaik taraf daripada *Licentiate* kepada *Member* atau *Member* kepada *Fellow*.”.

Pindaan seksyen 17

7. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “*Fellowship*, *Associateship* dan *Licentiate*” dengan perkataan “*Fellow*, *Member* dan *Licentiate*”;
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “ijazah lulus atau ijazah kepujian” dengan perkataan “ijazah”;
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “seorang *Associate*” dengan perkataan “seorang *Member*”;
 - (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “ijazah lulus atau ijazah kepujian” dengan perkataan “ijazah”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia tidak kurang daripada tiga tahun bagi ijazah atau yang setaraf dengannya

atau tidak kurang daripada satu tahun bagi ijazah sarjana atau ijazah lebih tinggi atau yang setaraf dengannya; dan”; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “ijazah lulus atau ijazah kepujian” dengan perkataan “ijazah”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia tidak kurang daripada satu tahun bagi ijazah atau yang setaraf dengannya; dan”.

Pindaan seksyen 18

8. Subseksyen 18(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “seorang *Associate*” dengan perkataan “seorang *Member*”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “*Associate* bagi Institut Kimia Malaysia” dengan perkataan “*Member* bagi Institut Kimia Malaysia”.

Pindaan seksyen 19

9. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Seseorang anggota yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan Majlis boleh menggantung keanggotaannya selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan jika disabitkan untuk kali kedua bagi kesalahan di bawah subseksyen (1), Majlis boleh menamatkan keanggotaannya serta-merta.”.

Pindaan seksyen 23

10. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kedua dan berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 23A

11. Subperenggan 23A(1)(a)(i) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “ijazah lulus atau ijazah kepujian” dengan perkataan “ijazah”.

Pindaan seksyen 25

12. Seksyen 25 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “bersalah atas suatu kesalahan dan boleh didenda sebanyak satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama satu tahun” dengan perkataan “melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 27

13. Seksyen 27 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Seseorang yang menghalang atau menggalang seseorang Pemeriksa dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.”.

Pindaan Jadual Pertama

14. Jadual Pertama Akta ibu dipinda dalam subperenggan 5(2), dengan menggantikan perkataan “Tujuh” dengan perkataan “Sembilan”.

Kecualian

15. Mana-mana orang yang, pada atau sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, telah didaftarkan sebagai seorang “Associate” hendaklah disifatkan telah didaftarkan sebagai seorang “Member” di bawah Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 (“Akta 158”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 158 dengan memasukkan takrif baru “Menteri”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 158 bagi menghuraikan fungsi Institut Kimia Malaysia (“Institut”) dengan membahagikan perenggan 7(b) Akta 158 kepada dua subperenggan bagi mengadakan peruntukan mengenai latihan bagi mereka yang bercadang untuk menjadi anggota dan bagi anggota yang sedang atau bercadang untuk mengamalkan profesion kimia di Malaysia. *Fasal 3* turut bertujuan untuk memasukkan enam fungsi baru Institut.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 158 untuk menambah keanggotaan Majlis kepada enam belas orang supaya Majlis dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam isu yang melibatkan pembangunan kimia dan profesion kimia di Malaysia dan di dunia.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan subseksyen 14(1A) Akta 158 untuk membolehkan Menteri melantik seseorang untuk menjalankan tugas Pendaftar Institut semasa kekosongan jawatan Ketua Pengarah Kimia supaya operasi Institut tidak terganggu sehinggalah Ketua Pengarah Kimia yang baru dilantik.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 158 bagi menggantikan istilah “Associate” dengan istilah “Member”. Pindaan ini juga memperincikan tentang isi kandungan salinan daftar yang perlu disiarkan dalam *Warta*.

8. *Fasal 7 dan 8* bertujuan untuk meminda seksyen 17 dan 18 Akta 158 berbangkit dengan penggantian istilah “*Associate*” dengan istilah “*Member*”. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk menggantikan perkataan “ijazah lulus atau kepujian” dengan perkataan “ijazah” mengikut syarat kelayakan semasa yang dikenakan.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 158 dengan menaikkan hukuman denda yang boleh dikenakan terhadap anggota yang melanggar subseksyen 19(1) Akta 158 dan menggantung keanggotaan mereka untuk mencerminkan keseriusan kesalahan itu. Cadangan pindaan juga memberi Majlis kuasa untuk menamatkan keanggotaan mana-mana anggota yang disabitkan untuk kali kedua bagi kesalahan di bawah subseksyen 19(1) Akta 158.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 158 dengan menaikkan hukuman denda yang boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang melanggar subseksyen 23(1) atau (2) Akta 158. Pindaan ini dicadangkan untuk mencerminkan keseriusan kesalahan itu.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 23A Akta 158 berbangkit daripada cadangan pindaan kepada seksyen 17.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 158 dengan menaikkan hukuman bagi amalan fraud untuk mencerminkan keseriusan kesalahan itu.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Akta 158 dengan menaikkan hukuman denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen itu agar selaras dengan peruntukan semasa mengenai penalti.

14. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama dengan menaikkan bilangan anggota bagi membentuk kuorum dalam sesuatu mesyuarat Majlis.

15. *Fasal 15* mengandungi peruntukan kecualian.

16. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2872]